



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA

## (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980  
LAMAN WEB :[WWW.PIKM.MY](http://WWW.PIKM.MY)

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2019(22)

13 DISEMBER 2019

**SEMUA AHLI PIKM**  
(U/P: Pengarah Urusan)

**"SEGERA DAN MUSTAHAK"**

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PIKM KE - 22/2019:**

**PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR SISTEM PENDAFTARAN DAN PEMBAYARAN PROGRAM LATIHAN CERTIFIED SECURITY GUARDS (CSG), TRAINED NEPALESE GUARDS (TNG) DAN CERTIFIED BODYGUARDS (CBG)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa PIKM kini dalam proses menambahbaik sistem pendaftaran dan pembayaran Program Latihan Certified Security Guards (CSG), Trained Nepalese Guards (TNG) dan Certified Bodyguards (CBG). Setelah beberapa siri perbincangan dan penelitian diadakan, berikut antara isu-isu yang sering timbul berkaitan dengan Latihan CSG, TNG serta CBG:

- 2.1 Terdapat ahli-ahli yang **gagal menjelaskan bayaran**, walaupun telah menghantar pengawal menghadiri kursus latihan
  - 2.2 Terdapat ahli-ahli yang mendaftar, tetapi **gagal untuk menghantar mengikut jumlah yang didaftarkan**. Ini mengakibatkan ahli-ahli lain terlepas peluang untuk mendaftar dan memenuhi kuota latihan bagi proses pembaharuan lesen.
  - 2.3 Persatuan terpaksa mengeluarkan lebihan perbelanjaan untuk menampung kos (cth: kos makanan dan kos penginapan) kepada pusat latihan akibat kekurangan peserta yang berdaftar mengikut kapasiti yang ditetapkan oleh Bahagian Latihan PDRM Bukit Aman dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).
3. Justeru, langkah penambahbaikan yang telah dirancang adalah seperti berikut:
- 3.1 **Serahan Sijil**
    - 3.1.1 Sijil hanya akan diserahkan kepada syarikat atau wakil syarikat, tidak kepada Peserta Program Latihan.
    - 3.1.2 Sijil latihan tidak akan diserahkan kepada syarikat sehingga pembayaran selesai dibuat. Prosedur ini telah dilaksanakan sejak tahun 2016 dan akan terus dikuatkuasakan.

**Presiden**  
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

**Timbalan Presiden**  
KAPten HJ NAJMUDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

**Naib Presiden**  
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)  
SALIZA BT ABDULLAH  
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

**Setiausaha Kehormat**  
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

**Bendahari Kehormat**  
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

**Penolong Setiausaha**  
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

**Penolong Bendahari**  
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

**Ahli-ahli Jawatankuasa**  
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT  
KAPten DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)  
MOHD YUSOFF B. M DAUD  
ADNAN B. ABDULLAH  
ADILA B. DATO' ABDULLAH  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN TUDM (B)  
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPKA  
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU  
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

**Juruaudit Dalam**  
MOHD HODRI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

**Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur**  
DATO' ROSMARAYU BT MOHKART

**Pengerusi Zon Selangor**  
SHANKER RAJ AYANGER

**Pengerusi Zon Selatan**  
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

**Pengerusi Zon Perak**  
ZAITON BT MOHD NUSI

**Pengerusi Zon Kedah & Perlis**  
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

**Pengerusi Zon Terengganu**  
HJ NORZAINI B. HUSSIN

**Pengerusi Zon Kelantan**  
AFENDI BIN MUKHTAR

**Pengerusi Zon Pahang**  
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

**Pengerusi Zon Pulau Pinang**  
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

**Pengerusi Zon Melaka**  
DATO' GAN PENG LAM

**Pengerusi Zon Negeri Sembilan**  
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

**Pengerusi Zon Sabah**  
KAPten MAZALAN B. FADZIL (B)

**Pengerusi Zon Sarawak**  
SHAHARUDDIN B. SAMSI

**Sekretariat**  
**Pengurus Besar**  
JEFF NOR JETTEY

### **3.2 Pengemaskinian Sistem**

3.2.1 Pengenalan “*Cut Off Time*” untuk memastikan syarikat yang berdaftar menjelaskan bayaran, sebelum hari kursus.

3.2.2 *Cut Off Time* pembayaran yuran latihan:

a) *Cut Off Time* Latihan CSG dan CBG:

Hari Rabu, Jam 12.00 tengahari sebelum hari pendaftaran & lapor diri.

b) Latihan TNG:

*Cut Off Time* Latihan TNG

Hari Jumaat, Jam 12.00 tengahari sebelum hari pendaftaran & lapor diri bagi latihan pada Isnin & Selasa.

*Cut Off Time* Latihan TNG

Hari Isnin, Jam 12.00 tengahari sebelum hari pendaftaran & lapor diri bagi latihan pada Khamis & Jumaat

3.2.3 Nama-nama yang telah didaftar tetapi masih GAGAL menjelaskan bayaran atau menghantar bukti pembayaran melalui sistem selepas tempoh tersebut (*cut off time*), akan DIKELUARKAN daripada sistem. Ini membolehkan kekosongan diisi oleh ahli-ahli lain yang benar-benar ingin menghantar pengawal keselamatan untuk menyertai kursus latihan.

3.2.4 Ahli-ahli boleh menyemak semula kekosongan yang ada pada setiap pusat latihan, pada hari yang sama (perkara 3.2.2) **bermula jam 2.00 petang**.

3.2.5 Bagi 3.2.4, pendaftaran di dalam sistem dianggap berjaya hanya selepas pembayaran dibuat secara **Financial Process Exchange (FPX) SAHAJA** pada hari yang sama.

### **3.3 Penggunaan Sistem FPX sebagai Medium Pembayaran**

3.3.1 Bermula **1 Januari 2020**, kesemua pembayaran bagi pendaftaran kursus latihan akan menggunakan bayaran secara atas talian melalui sistem **Financial Process Exchange (FPX) SAHAJA**.

### **3.4 Pemotongan Bayaran Yuran Program Latihan CSG, TNG & CBG**

3.4.1 Potongan yuran latihan sebanyak **RM150.00** akan dikenakan terhadap peserta yang telah membuat pendaftaran dan bayaran yuran latihan namun didapati **GAGAL** hadir menjalani

latihan tersebut bagi menampung kos makan dan penginapan peserta kepada Pusat Latihan mengikut kapasiti yang telah ditetapkan oleh Pusat Latihan Polis dan Pusat Latihan Kem Bumijati.

**Nota: Surat Edaran Ke-33/2016 bertarikh 15 Disember 2016 berkaitan Makluman Pemotongan Yuran Latihan Certified Security Guards (CSG) 2016 sebanyak RM300.00 adalah terbatas)**

### **3.5 Pengurangan Yuran Latihan Trained Nepalese Guards**

- 3.5.1 Kadar Yuran baru Latihan Trained Nepalese Guards (TNG) - **RM280 (termasuk caj cukai SST 6%) berbanding harga lama RM318 (termasuk caj cukai SST 6%)**
- 3.5.2 Kadaran Yuran Latihan Certified Security Guards (CSG) - **Kekal RM540.60 (termasuk caj cukai SST 6%)**

### **3.6 Tarikh Kuatkuasa**

Kesemua prosedur yang ditetapkan di atas akan dikuatkuasakan mulai dari **1 Januari 2020**.

4. Dengan ini, diharap dengan penambahbaikan yang dilakukan kepada sistem pendaftaran latihan, ianya dapat memberi ruang kepada ahli-ahli lain untuk mendaftar dan memenuhi kuota latihan yang ditetapkan oleh KDN.

Perhatian daripada ahli-ahli amat diharapkan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**KU NORAZMI BIN DATO' HJ IMAM ASMAWI  
SETIAUSAHA KEHORMAT**

S.k: Presiden

YBrs. Tuan Muhamad Ghazali Bin Mamat @ Mansor  
Ketua Penolong Setiausaha Kanan  
Bahagian Keselamatan  
Kementerian Dalam Negeri  
Aras 10, Blok D1, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 PUTRAJAYA